

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(XXIII)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

27. Adakah Kerajaan Negeri serius mempromosikan usaha-usaha melindungi alam sekitar dengan mengasingkan bahan buangan serta mengitar semula bahan-bahan tersebut?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri sememangnya serius dalam mempromosikan usaha-usaha melindungi alam sekitar dan berhasrat menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau dengan melaksanakan pelbagai program ke arah Negeri Hijau.

Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah melancarkan Dasar Cleaner Greener Penang bertujuan untuk menggalakkan kerjasama antara orang ramai dan sektor swasta dengan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan tahap kebersihan dan tindakan melindungi alam sekitar. Ini termasuk mempromosikan 3R (*reduce, reuse and recycle*) di kalangan pelajar sekolah dan orang awam.

Bagi meningkatkan lagi kadar kitar semula negeri, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di seluruh negeri melibatkan semua premis mulai 1 Jun 2016 dan dikuatkuasakan secara berperingkat mulai 1 Jun 2017. Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula 2016 telah digubal dan dikuatkuasakan untuk menyokong dasar ini supaya dapat mencapai matlamat dasar tersebut.

Pihak yang melanggar undang-undang ini boleh disaman oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pesalah tegar boleh dihukum oleh mahkamah dengan denda tidak melebihi RM2,000 atau tidak

melebihi satu (1) tahun penjara atau kedua-duanya. Usaha Kerajaan Negeri berhasil dengan kadar kitar semula negeri meningkat dari 23.23% pada tahun 2010 ke 46.61% pada tahun 2019.